JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI BIL. 4 /2021

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

GARIS PANDUAN KRITERIA PERTIMBANGAN DAN SYARAT-SYARAT PELEPASAN BANKRAP SECARA AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA INSOLVENSI 1967

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan tatacara dalam memproses dan menetapkan syarat pelepasan bankrap secara automatik di bawah seksyen 33C Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*].

DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. Bagi tujuan arahan ini –

(i) "Pegawai 33C" ialah pegawai yang mengendalikan permohonan di bawah seksyen 33C Akta 360 di ibu pejabat;

(ii) "Pegawai Meja" merujuk kepada Pegawai Insolvensi yang mengendalikan pentadbiran kes kebankrapan di cawangan;

(iii) "TC" adalah singkatan kepada *Target Contribution* (istilah Bahasa Inggeris) bermaksud Sasaran Sumbangan yang perlu dipatuhi oleh bankrap dalam tujuan pelepasan automatik di bawah seksyen 33C Akta 360 ini;

(iv) "Pegawai Unit Mahkamah" merujuk kepada Pegawai Insolvensi yang mengendalikan kes mahkamah di cawangan.

LATAR BELAKANG

3. Pada 6 Oktober 2017, seksyen 33C Akta 360 telah mula berkuat kuasa. Seksyen baharu ini telah memberikan kuasa budi bicara kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk melepaskan bankrap secara automatik dalam tempoh tiga (3) tahun tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen tersebut.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

4. Seksyen 33C Akta 360 yang memperuntukkan seperti berikut:

"Automatic discharge

33C. *(1) A bankrupt shall be discharged from bankruptcy under this section on the expiration of three years from the date of the submission of the statement of affairs under subsection 16(1)—*

(a) if the bankrupt has achieved amount of target contribution of his provable debt; and

(b) if the bankrupt has complied with the requirement to render an account of moneys and property to the Director General of Insolvency under paragraph 38(1)(b).

(2) Contribution of the bankrupt's provable debt referred to in paragraph (1)(a) shall be determined by the Director General of Insolvency and the Director General of Insolvency shall take into account—

(a) the provable debt of the bankrupt;

(b) the current monthly income of the bankrupt;

(c) the extent to which the current monthly income of the bankrupt's spouse may contribute to the maintenance of the bankrupt's family;

(d) the monthly income that the bankrupt may reasonably be expected to earn over the duration of the bankruptcy, taking into account—

(i) the previous and current monthly income of the bankrupt;

(ii) the educational and vocational qualifications, age and work experience of the bankrupt;

(iii) the range of monthly income earned by persons who are employed in occupations, positions or roles similar to that in which the bankrupt is, or can be expected to be, employed;

(iv) the effect which the bankruptcy may have on the bankrupt's earning capacity or other income;

(v) the prevailing economic conditions; and

(vi) the period of time during which the bankrupt is likely to be capable of earning a meaningful income;

(e) the reasonable expenses for the maintenance of the bankrupt and the bankrupt's family; or

(f) the property of the bankrupt under paragraph 48(1)(b) which may be realized during the period of three years.

(3) For the purposes of a discharge under this section, the Director General of Insolvency shall serve a notice of the discharge to each of his creditors not less than six months before the expiration of the period

referred to in subsection (1), but such notice shall not be served earlier than a year before the expiration of such period.

(4) A creditor who wishes to object to the discharge under this section shall, within twenty-one days from the date the notice in subsection (3) is served on him, make an application as prescribed to the court for an order to suspend the discharge under this section, but no objection shall be made except on the following grounds:

(a) that the bankrupt has committed any offence under this Act or under section 421, 422, 423 or 424 of the Penal Code;
(b) that the discharge under this section would prejudice the administration of the bankrupt's estate; or
(c) that the bankrupt has failed to co-operate in the administration of estate.

(5) A creditor who fails to file an application in accordance with subsection (4) is deemed to have no objection to the discharge.

(6) A notice of application under subsection (4) shall be served on the Director General of Insolvency and the bankrupt at least fourteen days before the date of hearing of the application and the court shall hear the Director General of Insolvency and the bankrupt before making an order on the application.

(7) Upon an application made under subsection (4), the court may, if it thinks just and expedient—

(a) dismiss the application and approve the discharge under this section; or
(b) suspend the discharge under this section for a period of two years.

(8) Where the court makes an order under paragraph (7)(b), the bankrupt

shall—

(a) continue to fulfil his duties and obligations under this Act during that period; and

(b) be discharged automatically at the end of the two years' period.

(9) The Director General of Insolvency shall, upon the application of any interested person and payment of the prescribed fee, issue a certificate of automatic discharge to the applicant—

(a) upon the making of an order under paragraph (7)(a); or

(b) where there is no objection under subsection (4), on the expiration of the period referred to in paragraph (1)(a).".

PROSES PERMOHONAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA 360

5. Bankrap perlu membuat permohonan melalui borang permohonan seperti di "**Lampiran A**" di cawangan. Sekiranya permohonan diterima di peringkat ibu pejabat, ibu pejabat akan memanjangkan permohonan bankrap ke cawangan yang berkenaan pada hari yang sama selepas permohonan diterima daripada bankrap. Setelah permohonan pelepasan melalui borang permohonan seperti yang dilampirkan sebagai "Lampiran A" diterima daripada bankrap, cawangan/ibu pejabat perlu mengemukakan akuan penerimaan permohonan kepada bankrap dalam tempoh satu (1) hari selepas permohonan diterima seperti yang dilampirkan sebagai "**Lampiran B**". Sekiranya "Lampiran A" diterima di ibu pejabat, "Lampiran B" akan dikeluarkan oleh ibu pejabat dan akan dipanjangkan kepada cawangan bersama-sama dengan permohonan bankrap. Cawangan tidak perlu mengeluarkan "Lampiran B" sekali lagi dalam situasi ini.

6. Seterusnya, Pegawai Meja di cawangan perlu menyemak sama ada bankrap layak untuk dipertimbangkan dalam skim pelepasan automatik ini dengan menyemak tarikh Notis Kebankrapan dikeluarkan terhadap bankrap tersebut.

7. Sekiranya Notis Kebankrapan dikeluarkan sebelum tarikh seksyen 33C ini berkuat kuasa iaitu pada 6 Oktober 2017, Pegawai Meja di cawangan perlu mengeluarkan surat kepada bankrap dalam tempoh satu (1) hari selepas pengeluaran "**Lampiran B**" memaklumkan bahawa permohonan bankrap tidak dapat dipertimbangkan seperti yang dilampirkan sebagai "**Lampiran B1**".

8. Pegawai Meja perlu menyemak Pernyataan Hal Ehwal (PHE) yang telah difailkan oleh bankrap seperti butir-butir bankrap dan jumlah keberhutangan bankrap serta Pegawai Meja perlu juga menyemak Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 6 Bulan (PPP) yang difailkan oleh bankrap.

9. Pegawai Meja di cawangan hendaklah mengeluarkan surat pemakluman menggunakan "**Lampiran B2**" kepada pemiutang yang dinyatakan dalam PHE untuk memfailkan Borang Bukti Hutang (BBH) dengan seberapa segera dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh surat pemakluman.

10. Pegawai Meja perlu menentukan TC untuk pembayaran bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan dengan mengambil kira jumlah hutang yang diikrarkan dalam PHE atau BBH diperakui yang mana mempunyai nilai tertinggi. Pengiraan TC adalah dikira berdasarkan peratusan daripada keseluruhan jumlah hutang terkumpul dalam kes kebankrapan bankrap. Pengiraan TC hendaklah direkodkan di **"Lampiran B3"** dan disimpan dalam rekod fail seperti penetapan berikut:

Bil.	Skala Jumlah Hutang	Peratus TC
1.	Kurang daripada RM100,000.00	35%
2.	RM100,000.00 hingga RM500,000.00	30%
3.	Lebih daripada RM500,000.00 hingga RM1,000,000.00	25%
4.	Lebih daripada RM1,000,000.00	20%

11. Seterusnya, setelah pengiraan selesai dibuat dan setelah mendapat kelulusan Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) / Ketua Cawangan (KC), Pegawai Meja hendaklah mengeluarkan Notis TC seperti di **"Lampiran C"** secara bertulis kepada

bankrap. Tindakan bermula daripada perenggan 8 hingga 11 perlulah diselesaikan oleh cawangan dalam tempoh tujuh hari (7) hari selepas pengeluaran "**Lampiran B**".

12. Pegawai Meja hendaklah menjelaskan kepada bankrap bahawa jumlah yang ditetapkan bagi TC adalah muktamad dan tiada rayuan untuk pengurangan TC akan dilayan. Sekiranya bayaran keseluruhan tidak dijelaskan dalam tempoh tiga puluh enam (36) bulan tersebut, tiada lanjutan masa akan dipertimbangkan oleh Jabatan ini dan bankrap akan dianggap tidak lagi layak untuk skim pelepasan automatik ini.

13. Seterusnya, setelah TC yang ditetapkan dipersetujui oleh bankrap, Pegawai Meja perlu memulakan pemantauan bayaran bulanan bankrap bagi TC tersebut bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan. Pemantauan tersebut perlu dibuat melalui *template* seperti di **"Lampiran D"**.

14. Pegawai Meja juga perlu memastikan bahawa bankrap memfailkan PPP seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 38(1)(b) Akta 360 tanpa gagal. Tarikh akhir pemfailan PPP setiap enam (6) bulan adalah dua (2) minggu daripada tempoh yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Bil.	**Penyampaian Penyata 6 bulan**	**Tarikh sepatutnya perlu difailkan**	**Tarikh akhir dibenarkan untuk difailkan**
1.	Pemfailan Pertama	1.1.2021	15.1.2021
2.	Pemfailan Kedua	1.7.2021	15.7.2021
3.	Pemfailan Ketiga	1.1.2022	15.1.2022
4.	Pemfailan Keempat	1.7.2022	15.7.2022
5.	Pemfailan Kelima	1.1.2023	15.1.2023
6.	Pemfailan Keenam	1.7.2023	15.7.2023

15. Sekiranya salah satu atau kedua-dua syarat iaitu pembayaran TC secara bulanan dalam tempoh tiga puluh enam (36) bulan dan pemfailan PPP gagal dipatuhi oleh bankrap, Notis Hilang Kelayakan seperti yang dilampirkan sebagai **"Lampiran E"** hendaklah dikemukakan kepada bankrap oleh Pegawai Meja dalam tempoh dua (2) hari selepas pelanggaran syarat dikesan.

16. Setelah mencapai dua puluh sembilan (29) bulan tempoh pentadbiran kes, Pegawai Meja perlu mengeluarkan notis pelepasan memaklumkan tarikh kuat kuasa pelepasan kepada kesemua pemiutang yang diperakui melalui Borang 100 [*Notice of Discharge Under Subsection 33C(3)*], Kaedah 200 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017.

17. Sekiranya terdapat apa-apa bantahan, pemiutang berkenaan boleh memfailkan bantahan ke Mahkamah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan notis tersebut melalui Borang 101 [*Application for An Order To Suspend The Discharge Under Subsection 33C(4)*], Kaedah 201 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017. Permohonan pemiutang tersebut perlu dikemukakan kepada KPI dan bankrap sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pendengaran permohonan tersebut di Mahkamah.

18. Pemiutang tidak boleh membuat bantahan terhadap pelepasan di bawah seksyen ini melainkan atas keadaan-keadaan yang dinyatakan di dalam subseksyen 33C(4) Akta 360 seperti berikut:

(a) Bahawa bankrap telah melakukan kesalahan di bawah Akta 360 atau di bawah seksyen 421, 422, 423 atau 424 (kelakuan penipuan dan ketidakjujuran) Kanun Keseksaan;

(b) Bahawa pelepasan di bawah seksyen ini akan memprejudiskan pentadbiran estet bankrap; atau

(c) Bankrap gagal untuk berkerjasama dalam pentadbiran estet bankrap.

19. Bantahan tersebut hendaklah dikemukakan sebagaimana dalam Borang 101 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 dan disokong dengan Afidavit Sokongan.

20. Selepas menerima bantahan yang dikemukakan oleh pemiutang, Pegawai Meja dikehendaki untuk menyerahkan kertas kausa tersebut kepada Pegawai Unit Mahkamah. Pegawai Unit Mahkamah perlu menyediakan Afidavit Balasan bagi menjawab afidavit yang dikemukakan oleh pemiutang dengan penekanan kepada perkara-perkara berikut:

(a) Bankrap telah berjaya membuat pembayaran TC seperti yang ditetapkan dalam tempoh masa 36 bulan tersebut sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 33(1)(a);

(b) Bankrap telah memfailkan PPP seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 33C(1)(b) sepanjang pentadbiran;

(c) Tiada perkara yang memprejudiskan pentadbiran kebankrapan yang diketahui (Contoh: Aset yang diketahui, bankrap berurusan dengan aset dalam tempoh kebankrapan) sepanjang tempoh kebankrapan; dan

(d) Bankrap tidak melakukan kesalahan di bawah seksyen 421, 422, 423, atau 424 (kelakuan penipuan dan ketidakjujuran) Kanun Keseksaan.

21. Pegawai Unit Mahkamah perlu menghadiri sebutan dan perbicaraan bagi permohonan ini sehingga selesai. Mahkamah atas permohonan pemiutang boleh membuat keputusan jika difikirkan adil dan suai manfaat sama ada menolak permohonan pemiutang atau meluluskan pelepasan atau menggantung pelepasan bagi tempoh dua tahun. Sebarang keputusan mahkamah hendaklah dimaklumkan oleh Pegawai Unit Mahkamah kepada Pegawai Meja untuk tindakan lanjut.

22. Sekiranya Mahkamah menggantung pelepasan di bawah seksyen ini bagi tempoh dua tahun, Pegawai Meja perlu mengeluarkan surat kepada bankrap untuk memaklumkan keputusan Mahkamah tersebut dan meneruskan pentadbiran kes seperti biasa selama dua (2) tahun dari tarikh Perintah Mahkamah dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hari selepas keputusan Mahkamah diperoleh. Bankrap hendaklah melaksanakan tugas dan obligasinya di bawah Akta 360 dalam tempoh tersebut. Surat makluman kepada bankrap seperti dilampirkan sebagai **"Lampiran F"**.

23. Sekiranya tiada bantahan difailkan oleh pemiutang atau Mahkamah menolak permohonan bantahan pemiutang dan meluluskan pelepasan di bawah seksyen ini,

Pegawai Meja perlu meneruskan pemantauan bayaran sehingga tamat tempoh tiga puluh enam (36) bulan.

24. Setelah tamat tempoh tiga puluh enam (36) bulan, tarikh kuat kuasa pelepasan automatik perlu dikeluarkan oleh Pegawai Meja dan hendaklah mengeluarkan surat makluman kepada bankrap memaklumkan pelepasan automatik telah dikuatkuasakan dalam tempoh masa dua (2) hari selepas pelepasan automatik dikuatkuasakan. Surat tersebut perlu memaklumkan bahawa bekas bankrap boleh mendapatkan Sijil Perakuan Pelepasan Automatik berdasarkan fi yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Insolvensi (Fi) 1969. Format surat makluman seperti yang dilampirkan sebagai **"Lampiran G".**

25. Bayaran fi sijil adalah seperti berikut:

Perkara	**Fi Sijil Pelepasan Automatik (RM)**
Sijil Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33C Akta 360.	50.00

26. Selepas dikeluarkan tarikh kuat kuasa pelepasan automatik, Pegawai Meja perlu mengambil tindakan seperti berikut:

(a) Mengemaskini sistem INSIST tidak lewat daripada hari bekerja yang berikutnya;
(b) Mengemaskini MyIMMs tidak lewat daripada hari bekerja yang berikutnya; dan
(c) Memaklumkan pelepasan bankrap tersebut secara bertulis kepada Mahkamah dalam masa tujuh (7) hari daripada tarikh kuat kuasa pelepasan automatik.

27. Setelah bekas bankrap memaklumkan niat untuk mendapatkan Sijil Perakuan Pelepasan Automatik, cawangan hendaklah mengemukakan salinan resit bayaran sijil dan maklumat bekas bankrap kepada Pegawai 33C ibu pejabat bagi tujuan

cetakan sijil melalui Borang 102 [*Certificate of Automatic Discharge Under Section 33C*], Kaedah 202 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017.

28. Pihak cawangan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesahihan dan ketepatan maklumat yang dibekalkan bagi tujuan cetakan Sijil Pelepasan Automatik.

29. Seterusnya, proses mencetak sijil akan dilaksanakan di peringkat ibu pejabat. Sebaik sahaja Sijil Pelepasan Automatik dicetak dan ditandatangani oleh KPI, sijil akan diserahkan kepada cawangan.

30. Untuk gambaran tempoh masa bagi proses kerja yang lebih jelas secara keseluruhan, sila rujuk "**Lampiran H**".

31. Sekiranya cawangan mempunyai isu berbangkit dalam memproses permohonan bankrap di bawah seksyen 33C Akta 360 ini, isu tersebut perlu dirujuk kepada ibu pejabat untuk semakan dan pertimbangan.

PERKARA/ISU BERBANGKIT

32. Terdapat beberapa perkara/isu berbangkit yang dijelaskan seperti berikut:

Bil.	Perkara/Isu	Catatan
1.	Penetapan jumlah TC	Jumlah TC apabila telah ditetapkan adalah muktamad.
2.	Tempoh masa pengiraan TC	Tempoh tiga (3) tahun pengiraan TC adalah dikira bermula daripada tarikh pemfailan PHE selaras dengan seksyen 33C(1) Akta 360.
3.	Pemfailan BBH selepas penetapan TC dan TC sedang dibayar oleh bankrap	Sekiranya BBH difailkan oleh Pemiutang selepas TC ditetapkan oleh cawangan, jumlah TC tidak perlu diubah dan pemiutang tersebut

		layak dibayar dividen tertakluk kepada semakan BBH oleh cawangan.
4.	Pengisytiharaan dan pembayaran dividen	Pengisytiharaan dan pembayaran dividen akan dibuat kepada semua pemiutang berkenaan yang telah memfailkan BBH dan diperaku hutang tersebut walaupun BBH difailkan selepas TC ditetapkan oleh cawangan menurut peruntukan Akta 360.
5.	Pembayaran ansuran bulanan	Apabila TC telah ditetapkan, TC juga termasuk ansuran bulanan yang dibayar oleh bankrap pada setiap bulan sehingga mencapai 36 bulan.
6.	Permohonan lewat oleh bankrap	Sekiranya permohonan tidak dibuat semasa PHE difailkan, seksyen 33C Akta 360 tidak terpakai dan bankrap tidak boleh mengemukakan semula permohonan di bawah peruntukan ini.
7.	Kos dan fi KPI	Kos dan fi KPI akan dikira seperti biasa menurut Kaedah-kaedah Insolvensi (Fi) 1969.
8.	Peringatan kepada bankrap	Pegawai Meja di cawangan hendaklah menasihatkan dan menerangkan dengan jelas kepada bankrap berkenaan dengan proses yang perlu diambil dalam permohonan Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33C Akta 360. Antara perkara yang perlu diberi penekanan adalah:

		i. Mengisytiharkan maklumat yang tepat dan benar di dalam PHE terutama berkenaan dengan senarai pemiutang dan jumlah hutang bankrap; dan ii. Sekiranya terdapat penipuan fakta daripada bankrap, hal ini akan menjejaskan kelancaran proses permohonan Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33C Akta 360.

PENURUNAN KUASA DAN KAWALAN

33. Garis Panduan ini akan memberi kuasa kepada cawangan untuk memproses permohonan Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33C Akta 360.

BORANG-BORANG YANG DIGUNAKAN

34. Borang-borang yang digunakan adalah seperti berikut:

(a) Borang Permohonan (Lampiran A);
(b) Akuan Penerimaan (Lampiran B);
(c) Surat Penolakan Permohonan Pelepasan Automatik (Lampiran B1);
(d) Surat Pemakluman Pemfailan Borang Bukti Hutang oleh Pemiutang (Lampiran B2);
(e) Pengiraan Sasaran Sumbangan (TC) Untuk Tempoh 36 Bulan (Lampiran B3);
(f) Notis TC (Lampiran C);
(g) Template Pemantauan (Lampiran D);
(h) Notis Hilang Kelayakan (Lampiran E);
(i) Surat Pemakluman Kepada Bankrap Keputusan Penggantungan Pelepasan oleh Mahkamah (Lampiran F);

(j) Surat Pemakluman Kepada Bankrap Mengenai Penguatkuasaan Pelepasan Automatik (Lampiran G);

(k) Borang 100 [*Notice of Discharge Under Subsection 33C(3)*], Kaedah 200 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017;

(l) Borang 101 [*Application for An Order To Suspend The Discharge* Under Subsection 33C(4)], Kaedah 201 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017; dan

(m) Borang 102 [*Certificate of Automatic Discharge Under Section 33C*], Kaedah 202 Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017.

PEMBATALAN

35. Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 5/2017 – Garis Panduan Kriteria Pertimbangan Dan Syarat-Syarat Pelepasan Bankrap Secara Automatik Di Bawah Seksyen 33C Akta Insolvensi 1967 dengan ini dibatalkan.

KUAT KUASA

36. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

(DATO' ANITA HARUN)
Ketua Pengarah Insolvensi
Jabatan Insolvensi Malaysia
Tarikh: 8/9/2021

BORANG NO. 100

No. 100

(*Title as in action*)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI_____

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO.:_____

BER: _____

NO. KPPN. _____

Creditor (Name and Address):

1. .....

2. .....

3. .....

NOTICE OF DISCHARGE UNDER SUBSECTION 33C (3) (r. 200)

TAKE NOTICE that the above named bankrupt having complied with all the requirements under section 33C of the Act and shall be discharged from his bankruptcy on the..... day of.....20.....

AND FURTHER TAKE NOTICE that any objection you may have against his discharge from bankruptcy shall, within twenty-one days from the date of service of the notice, make an application to the court stating the grounds of your objection.

Dated this .....day of ..... 20.....

.....

Director General of Insolvency

BORANG NO. 101

No. 101

In the High Court in Malaya/Sabah and Sarawak at.....

In Bankruptcy No..... of..... 20.....

BETWEEN

. ..... APPLICANT

AND

1.THE DIRECTOR GENERAL OF INSOLVENCY RESPONDENTS

2. NAME OF THE BANKRUPT

APPLICATION FOR AN ORDER TO SUSPEND THE DISCHARGE UNDER SUBSECTION 33C(4) (r. 201)

I/We ..... a creditor/the creditors* of the abovenamed bankrupt object to the discharge of
(Name)
the bankrupt from bankruptcy under subsection 33C (4) of the Act on the following grounds:

(a) .....

(b) .....

(c) .....

Dated this .....day of ....., 20.....

.....

(*Creditor's signature*)

.....

.....

(Address)

BORANG NO. 102

(*Title as in action*)

INSOLVENCY ACT 1967

No. 102

(RULE 202)

CERTIFICATE OF AUTOMATIC DISCHARGE UNDER SECTION 33C (r. 202)

In The Matter Of Bankruptcy ( ) No.

Re:

Ex parte:

CERTIFICATE OF AUTOMATIC DISCHARGE

I hereby issue a certificate of automatic discharge to the above named bankrupt (a discharge from his bankruptcy) with effect from .....

Dated this ..... day of ..... 20.....

.....
Director General of Insolvency

LAMPIRAN A

LAMPIRAN A

BORANG PERMOHONAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA INSOLVENSI 1967 [*AKTA 360*]

NAMA BANKRAP : .....

NO KAD PENGENALAN BARU : .....

NO KAD PENGENALAN LAMA : .....

ALAMAT TERKINI : .....

ALAMAT EMEL : .....

NO. TEL (P) : ..... (B).....

TARIKH PERINTAH KEBANKRAPAN : .....

TARIKH PEMFAILAN PHE : .....

BILANGAN HUTANG : .....

JUMLAH HUTANG : .....

TARIKH PEMFAILAN PENYATA PENDAPATAN 6 BULAN : .....

SEBAB-SEBAB KEBANKRAPAN : .....

SAYA ..... MENGAKU JANJI BAHAWASANYA SAYA AKAN MEMATUHI SASARAN SUMBANGAN DAN PEMFAILAN PENYATA PENDAPATAN 6 BULAN TANPA GAGAL

TANDATANGAN : ..... TARIKH : .....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

TARIKH PERMOHONAN DITERIMA : .....

TARIKH NOTIS KEBANKRAPAN : .....

TARIKH DEPOSIT DIBAYAR : .....

NOMBOR FAIL : .....

PEGAWAI MEJA : .....

TARIKH TEMUJANJI BERSAMA BANKRAP : .....

LAMPIRAN B

LAMPIRAN B

AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33c AKTA INSOLVENSI 1967 [*AKTA 360*]

NAMA : .....

NO KAD PENGENALAN : .....

Dengan ini, permohonan tuan/puan bertarikh .....telah diterima oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dan akan diproses oleh cawangan MdI .....

Tarikh : .....

Diterima oleh : .....

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami di talian _____

LAMPIRAN B1

LAMPIRAN B1

SURAT MAKLUMAN KEPADA BANKRAP PERMOHONAN DITOLAK SEBAGAIMANA PERENGGAN 7, ARAHAN KPI BIL /2021

Ruj. Tuan:
Ruj.Kami:
Tarikh :

Nama dan Alamat Bankrap
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :
BERNAMA :
NO. K/P :
PERMOHONAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA INSOLVENSI 1967 [*AKTA 360*]

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas dan surat/permohonan tuan/puan bertarikh ..... adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan/puan, melalui Akta Insolvensi (Pindaan) 2017 [*Akta A1534*], yang berkuatkuasa pada 6 Oktober 2017, peruntukan baharu iaitu seksyen 33C berhubung Pelepasan Automatik telah digubal dan pelepasan adalah tertakluk kepada prosedur dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini.

3. Berdasarkan semakan Jabatan ini, Notis Kebankrapan bagi kes tuan/puan telah dikeluarkan pada ..... Sehubungan dengan itu, **dukacita** dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan bagi Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33C Akta 360 tidak dapat dipertimbangkan memandangkan pindaan seksyen 33C Akta 360 tidak terpakai kepada kes kebankrapan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PIN / PPIN / KC)
Pengarah Negeri / Penolong Pengarah Negeri / Ketua Cawangan
Jabatan Insolvensi .....
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

s.k.

Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan
Jabatan Insolvensi Malaysia
Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, 62692 Putrajaya.
(Ruj. Tuan :)

LAMPIRAN B2

LAMPIRAN B2

SURAT MAKLUMAN KEPADA PEMIUTANG UNTUK MEMFAILKAN BORANG BUKTI HUTANG (BBH) SEBAGAIMANA PERENGGAN 9, ARAHAN KPI BIL /2021

Ruj. Tuan:
Ruj.Kami:
Tarikh :

Nama dan Alamat Bankrap
.....
.....
.....

Tuan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO.
BERNAMA :
NO. K/P :
PEMFAILAN BORANG BUKTI HUTANG (BBH)

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, bankrap telah dihukum dengan Perintah Kebankrapan oleh Mahkamah Tinggi bertarikh pada ..... dan telah memfailkan Pernyataan Hal Ehwal (PHE) kepada Jabatan ini pada.....

3. Selanjutnya, bankrap telah membuat permohonan untuk melepaskan diri daripada kebankrapan melalui Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33c Akta 360.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki untuk memfailkan Borang Bukti Hutang dengan kadar segera sekiranya belum berbuat demikian bagi Tindakan lanjut Jabatan ini dan bagi tujuan pengiraan Sasaran Sumbangan / *Target Contribution* (TC).

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PIN / PPIN / KC)
Pengarah Negeri / Penolong Pengarah Negeri / Ketua Cawangan
Jabatan Insolvensi .....
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

s.k.

Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan
Jabatan Insolvensi Malaysia
Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, 62692 Putrajaya.
(Ruj. Tuan :)

LAMPIRAN B3

LAMPIRAN B3

PENGIRAAN SASARAN SUMBANGAN / *TARGET CONTRIBUTION* (TC)

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI .....

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO:

BERNAMA:

NO. K/P:

PER: SASARAN SUMBANGAN / *TARGET CONTRIBUTION* (TC) UNTUK TEMPOH 36 BULAN BERMULA ..... (TARIKH) SEHINGGA ..... (TARIKH)

NAMA BANKRAP	Bankrap telah diserahkan satu Notis Kebankrapan bertarikh ..... dan telah dijatuhkan Perintah Kebankrapan pada ..... Tuntutan yang difailkan oleh Pemiutang dalam BBH sebanyak RM ..... (setakat tarikh:.....) iaitu: 1. Pemiutang: : RM XXXXXXX (Berdasarkan BBH / PHE yang difailkan) 2. Pemiutang: (Berdasarkan BBH / PHE yang difailkan) **Jumlah Hutang Keseluruhan : RM XXXXXXXX** Pengiraan Sasaran Sumbangan: Rekodkan cara pengiraan dan penetapan TC berdasarkan perenggan 10 Arahan KPI Bil / 2021 **Komitmen untuk bayaran bulanan sebulan selama 36 bulan : RM _____**

LAMPIRAN C

LAMPIRAN C

NOTIS SASARAN SUMBANGAN /*TARGET CONTRIBUTION* (TC)

NAMA BANKRAP :

NO KAD PENGENALAN :

Jumlah penetapan yang perlu dibayar adalah sebanyak RM..... sebulan daripada ..... (tarikh) sehingga ..... (tarikh).

Pemiutang tidak boleh membuat bantahan terhadap Pelepasan Automatik di bawah seksyen ini melainkan atas keadaan-keadaan yang dinyatakan di dalam subseksyen 33c(4) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] seperti berikut:

(a) Bahawa bankrap telah melakukan kesalahan di bawah Akta 360 atau di bawah seksyen 421, 422, 423 atau 424 (kelakuan penipuan dan ketidakjujuran) Kanun Keseksaan;

(b) Bahawa pelepasan di bawah seksyen ini akan memprejudiskan pentadbiran estet bankrap; atau

(c) Bankrap gagal untuk berkerjasama dalam pentadbiran estet bankrap.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami di talian _____

LAMPIRAN D

PEMANTAUAN PEMBAYARAN DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA 360

LAMPIRAN D

NAMA BANKRAP :
CAWANGAN :
NO KAD PENGENALAN :
NO KEBANKRAPAN :
NO. RUJUKAN FAIL :
JUMLAH HUTANG :
SASARAN SUMBANGAN :
BAYARAN BULANAN :
TARIKH BAYARAN BERKUATKUASA :

TAHUN PERTAMA (TAHUN)

BULAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
BAYARAN												
JUMLAH(RM)												

TAHUN KEDUA (TAHUN)

BULAN	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24
BAYARAN												
JUMLAH(RM)												

TAHUN KETIGA (TAHUN)

BULAN	25	26	27	28	29	30	31	32	33	34	35	36
BAYARAN												
NOTIS KEPADA PEMIUTANG (BORANG 100) PERLU DIKELUARKAN PADA BULAN KE-29												
JUMLAH(RM)												

LAMPIRAN E

LAMPIRAN E

NOTIS HILANG KELAYAKAN UNTUK PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA INSOLVENSI 1967 [*AKTA 360*]

NAMA BANKRAP : .....

NO KAD PENGENALAN : .....

Dengan ini, dukacita dimaklumkan bahawa tuan gagal untuk melayakkan diri untuk satu Pelepasan Automatik di bawah seksyen 33C Akta Insolvensi 1967 atas alasan yang berikut:

☐ Gagal untuk mencapai sasaran sumbangan yang ditetapkan di bawah seksyen 33C(1)(a) Akta Insolvensi 1967.

☐ Gagal untuk memfailkan Pernyata Pendapatan dan Perbelajaan di bawah seksyen 33C(1)(b) Akta Insolvensi 1967.

☐ Gagal untuk mengisytiharkan dengan tepat dalam Pernyataan Hal Ehwal yang difailkan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami di talian:

LAMPIRAN F

LAMPIRAN F

SURAT MAKLUMAN KEPADA BANKRAP KES DITADBIR SEPERTI BIASA SEBAGAIMANA PERENGGAN 22, ARAHAN KPI BIL /2021

Ruj. Tuan:
Ruj.Kami:
Tarikh :

Nama dan Alamat Bankrap
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :
BERNAMA :
NO. K/P :
PERMOHONAN PELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33C AKTA INSOLVENSI 1967 [*AKTA 360*]

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mahkamah telah menggantung pelepasan tuan/puan di bawah seksyen ini bagi tempoh dua (2) tahun dan pentadbiran kes kebankrapan tuan diteruskan seperti biasa selama dua (2) tahun dari tarikh Perintah Mahkamah dikeluarkan. Oleh yang demikian, tuan/puan masih kekal sebagai bankrap yang belum dilepaskan dan hendaklah menjalankan tugas obligasi di bawah Akta 360 dalam tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PIN / PPIN / KC)
Pengarah Negeri / Penolong Pengarah Negeri / Ketua Cawangan
Jabatan Insolvensi .....
b.p. Ketua Pengarah Insolvensi

s.k.

Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan
Jabatan Insolvensi Malaysia
Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, 62692 Putrajaya.
(Ruj. Tuan :)

LAMPIRAN G

LAMPIRAN G

SURAT MAKLUMAN TARIKH KUATKUASA PELEPASAN AUTOMATIK SEBAGAIMANA PERENGGAN 24, ARAHAN KPI BIL /2021

Ruj. Tuan:
Ruj.Kami:
Tarikh :

Nama dan Alamat Bankrap
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO. :
BERNAMA :
NO. K/P :
PPELEPASAN AUTOMATIK DI BAWAH SEKSYEN 33c AKTA INSOLVENSI 1967 [*AKTA 360*]

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia telah melepaskan tuan/puan daripada kebankrapan di bawah Seksyen 33c Akta Insolvensi 1967 berkuatkuasa pada .....

3. Sekiranya tuan/puan ingin mendapatkan Sijil Perakuan Pelepasan Automatik, sila hubungi .....(nama pegawai) di talian .....(no. telefon pegawai) atau melalui e-mel ..... dengan bayaran fi sebanyak **RM50.00** selaras dengan peruntukan di bawah Susunan B, Kaedah-kaedah Insolvensi (Fi) (Pindaan) 2017.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah

.....
(NAMA PIN / PPIN / KC)
Pengarah Insolvensi Negeri / Penolong Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua Jabatan Insolvensi .....
b.p.Ketua Pengarah Insolvensi

s.k.

Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan
Jabatan Insolvensi Malaysia
Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, 62692 Putrajaya.
(Ruj. Tuan :)

LAMPIRAN H

LAMPIRAN H

Bil.	Perkara	Lampiran	Tempoh Masa Proses
1.	Borang Permohonan Bankrap	Lampiran A	1 hari
2.	Akuan Penerimaan	Lampiran B	1 hari
3.	Surat Penolakan Permohonan Pelepasan Automatik	Lampiran B1	1 hari
4.	Surat Pemakluman Pemfailan Borang Bukti Hutang oleh Pemiutang	Lampiran B2	7 hari
5.	Pengiraan Sasaran Sumbangan (TC) untuk Tempoh 36 Bulan	Lampiran B3	
6.	Notis TC	Lampiran C	
7.	*Template* Pemantauan	Lampiran D	-
8.	Notis Hilang Kelayakan	Lampiran E	2 hari selepas tarikh langgar syarat dikesan
9.	Surat Memaklumkan keputusan Penggantungan oleh Mahkamah	Lampiran F	2 hari selepas keputusan mahkamah diperoleh
10.	Surat Pemakluman kepada Bankrap Mengenai Kuatkuasa Pelepasan Automatik	Lampiran G	2 hari selepas pelepasan automatik dikuatkuasakan
11.	Notis Pelepasan seksyen 33C(3)	Borang 100	-
12.	Permohonan Perintah untuk Menggantung Pelepasan seksyen 33C(4)	Borang 101	-
13.	Sijil Pelepasan Automatik	Borang 102	-